

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN BERI AMARAN TEGAS JIKA TUKAR LABEL KAMPIT BERAS

KULIM, 4 SEPTEMBER 2023 – OPS JAMIN telah dilancarkan pada **7 Julai 2023** melibatkan kolaborasi bersepadu di antara **Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** dan **Penguat Kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)** iaitu **Kawalselia Padi dan Beras (KPB)** bagi meningkatkan kapasiti penguatkuasaan dan pemantauan seluruh negara dalam memastikan pengguna sentiasa mendapat keterjaminan bekalan beras yang mencukupi dengan harga yang stabil dan terkawal.

2. Kerjasama strategik yang melibatkan penguatkuasaan, perkongsian maklumat dan pemantauan antara agensi di antara **KPDN** dan **KPKM** melalui **OPS JAMIN** berperanan penting dalam mengenalpasti keseluruhan rantaian bekalan pengedaran beras di semua peringkat pemborong hingga ke peringkat peruncit.
3. **KPDN** memberi jaminan akan menggiatkan pemeriksaan di bawah **OPS JAMIN** bagi membanteras isu penukaran label kampit beras yang dikhuatiri berlaku susulan pelarasan harga baharu bagi beras putih import (BPI) dan memberikan amaran tegas kepada semua pengilang, pemborong dan peruncit agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan dikenakan tindakan tegas.

4. Sehingga 2 September 2023, sebanyak **1,053 pemeriksaan** di bawah **OPS JAMIN** telah dilaksanakan di seluruh negara hasil kolaborasi bersepakut **KPDN** dan **KPKM** yang melibatkan pemeriksaan di peringkat pengilang, pemborong dan peruncit. Sejumlah **47 aduan yang diterima melibatkan aduan harga, bekalan dan lain-lain berkaitan beras telah disalurkan kepada KPKM** untuk tindakan lanjut.

5. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah **Seksyen 21 Akta Kawalselia Padi dan Beras [Akta 522]** dan jika disabitkan boleh didenda sehingga **RM25,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu)** atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh dua tahun atau **kedua-duanya bagi orang perseorangan manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu).**

6. Selain itu, **KPDN ingin memberi amaran keras** terhadap mana-mana individu/syarikat yang berkaitan agar sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat perihal dagangan palsu mengenai kandungan, jenis atau nama di bawah **Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]** dan jika **sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu)** atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau **kedua-duanya bagi orang perseorangan manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM250,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu).**

7. Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung isu kekurangan bekalan atau kenaikan harga beras, boleh menyalurkan aduan rasmi

kepada pihak Kementerian melalui saluran berikut:

Kawalselia Padi dan Beras

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

- i. Portal Aduan KPB: <https://skpb.kpkm.gov.my/adu>;
- ii. E-mel Rasmi: aduankpb@kpkm.gov.my; dan
- iii. Hotline Ibu Pejabat KPB Putrajaya: 03-8870 1751/1748/1183.

Bahagian Penguatkuasa

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800;
- iv. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my;
- v. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN, dan
- vi. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH,
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
KULIM, KEDAH, 4 SEPTEMBER 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia

